

KHUTBAH JUMAAT

“MENGENANG JASA PAHLAWAN”

(28 Julai 2023M/ 10 Muharam 1445H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي بَعَثَ خَيْرَ نَبِيٍّ أُرْسِلَ لِلْأَنَامِ، وَأَنْزَلَ مَعَهُ الْكِتَابَ تِبْيَانًا لِكُلِّ شَيْءٍ وَبُرْهَانًا لِلْأَوْهَامِ. أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ، حَبِّيْنَا الْكَرِيمَ، وَرَسُولِنَا الْعَظِيمِ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فِيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيْكُمْ وَنَفْسِيْ بِتَقْوَى اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan menunaikan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita beroleh kejayaan, kebahagiaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat.

Khatib mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang boleh mengurangkan pahala Jumaat seperti berbual-bual dan menggunakan telefon. Oleh itu, marilah kita bersama-sama mendengar dan menghayati khutbah yang bertajuk : ‘*Mengenang Jasa Pahlawan*’.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Antara nikmat terbesar yang kita kecapi pada hari ini ialah nikmat keamanan, ketenteraman dan kesejahteraan. Perjalanan yang telah dilalui bagi memperolehnya sudah pastinya amat panjang dan penuh dengan liku-liku dan jerih perih generasi terdahulu terutamanya para perajurit. Berkat wasilah perjuangan para perajurit inilah, akhirnya kita dapat menikmati keamanan dan ketenteraman hidup di negara yang berdaulat ini.

Darah dan keringat para perajurit negara yang terdiri daripada tentera, polis, dan badan beruniform lain yang telah mengalir ke bumi kerana bermati-matian mempertahankan dan membebaskan negara dari cengkaman kuasa luar. Tidak lupa juga kepada para ulama yang telah membangkitkan semangat perjuangan dan kepahlawanan dalam usaha menentang penjajahan. Perjuangan mereka diiktiraf oleh Islam dalam konteks berjuang mempertahankan negara. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah Aali Imran, ayat 169:

وَلَا تَحْسِبَنَّ الَّذِينَ قُتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَمْوَاتًا هَبَّلَ أَخْيَاءً عِنْدَ رَبِّهِمْ يُرْزَقُونَ

Maksudnya: *Dan jangan sekali-kali engkau menyangka orang-orang yang terbunuh (yang gugur syahid) pada jalan Allah itu mati, (mereka tidak mati) bahkan mereka adalah hidup (secara istimewa) di sisi Tuhan mereka dengan mendapat rezeki.*

Dari padat Salman *radiallahu anhu*, beliau telah mendengar Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((رِبَاطٌ يَوْمٌ وَلَيْلَةٌ خَيْرٌ مِنْ صِيَامِ شَهْرٍ وَقِيَامِهِ، وَإِنْ مَاتَ جَرَى عَلَيْهِ
عَمَلُهُ الَّذِي كَانَ يَعْمَلُهُ، وَأُجْرِيَ عَلَيْهِ رِزْقُهُ، وَأَمِنَ الْفَتَّانَ))

Maksudnya: Berjuang sehari semalam lebih baik daripada puasa selama sebulan berserta solatnya. Jika dia mati, maka pahala amal yang telah dia lakukan akan tetap mengalir, rezekinya pun akan tetap berlangsung dan akan dijaga dari fitnah kubur.

(Hadis riwayat Imam Muslim)

Maka, atas dasar itu, pada tahun 1960, negara telah memilih tarikh 31 Julai bagi mengenang, menghargai dan meraikan para perajurit yang telah banyak berkorban demi tanah air tercinta dengan mengadakan sambutan Hari Pahlawan.

Sesungguhnya, sikap menghargai orang lain dan berterima kasih kepada manusia merupakan antara ajaran yang terkandung dalam Islam. Ia menjadi kayu ukur sama ada seseorang itu mensyukuri nikmat Allah *subhanahu wata'ala* atau tidak. Sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Abu Said *radiallahu anhu*, bahawa Nabi *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((مَنْ لَمْ يَشْكُرِ النَّاسَ لَمْ يَشْكُرِ اللَّهَ))

Maksudnya: Sesiapa yang tidak berterima kasih kepada orang lain yang telah berbuat kebaikan kepadanya, sebenarnya dia tidak bersyukur kepada Allah.

(Hadis riwayat Imam at-Tirmidzi)

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Pahlawan, merujuk kepada definisinya ialah orang yang gagah dan berani, pejuang yang gagah dan perwira yang ditakuti. Mereka yang berjuang untuk kebaikan dan kepentingan negara juga dipanggil sebagai pahlawan.

Jasa para pahlawan negara seharusnya sentiasa dikenang dan dihargai kerana perjuangan dan pengorbanan mereka sama ada sebelum merdeka mahupun pasca merdeka, telah mencipta ketamadunan negara kepada bumi bertuah ini yang terus menjadi titik tolak bagi permulaan dalam kandungan sejarah negara. Dengan izin Allah *subhanahu wata'ala* jua, segala pengorbanan yang mereka lakukan itu telah memastikan kita dapat hidup aman dan tenteram serta menjalani kehidupan dengan harmoni tanpa rasa takut atau rasa terancam.

Para pahlawan negara telah mewariskan negara ini kepada kita untuk dijaga dengan baik. Maka, sebagai generasi hari ini, menjadi tanggungjawab kita pula untuk memelihara dan mempertahankan kedaulatan negara dari diusik oleh mana-mana anasir luar yang berniat menghancurkan negara.

Seluruh rakyat juga diingatkan supaya tidak mengamalkan sikap individualistik dan eksklusif yang terarah kepada pengumpulan harta kekayaan dan keuntungan peribadi. Negara ini perlu dibina dan dipelihara bersama-sama oleh setiap lapisan masyarakat. Para pemimpin bertanggungjawab menyatukan rakyat tanpa melihat perbezaan, manakala seluruh rakyat pula perlu menyahut dan

mendokong usaha tersebut. Sebarang usaha provokasi dan pemecah belah masyarakat perlu dihindari dan ditepis dengan bijaksana.

Bagi kita umat Islam, kita beriman bahawa segala sesuatu yang kita miliki ini semuanya berasal dari Allah *subhanahu wata'ala*. Kita sangat mengharap kepada Allah *subhanahu wata'ala* agar kedaulatan negara kita akan kekal dalam rahmat dan keberkatan-Nya.

Maka tidak dapat tidak, hendaknya kita memastikan diri kita dan mereka yang berada dalam tanggungjawab kita sentiasa melaksanakan segala perintah Allah *subhanahu wata'ala* seperti solat fardu, zakat, puasa dan sebagainya serta menjauhi segala larangan-Nya seperti meminum minuman yang memabukkan, pergaulan bebas, zina, rasuah dan sebagainya serta sentiasa melaksanakan amar ma'ruf dan nahi munkar bagi memastikan rahmat dan berkat Allah *subhanahu wata'ala* sentiasa mendampingi kesejahteraan negara ini.

Kaum muslimin yang dirahmati,

Para pemuda khususnya perlu dipersiapkan mental dan fizikal mereka sesuai dengan bidang kepakaran masing-masing supaya dengan itu, negara dapat dibangunkan seimbang dari segenap segi tanpa mencincirkan satu sudut sekalipun. Dalam Surah al-Anfal ayat 60, Allah *subhanahu wata'ala* memerintahkan supaya dipersiapkan kelengkapan peperangan bagi menghadapi musuh. Namun, bukan semua golongan diwajibkan untuk keluar berperang kerana dalam

ayat lain pula, Allah *subhanahu wata'ala* memerintahkan supaya perlunya kumpulan-kumpulan tertentu yang ditugaskan untuk mendalami ilmu pengetahuan sesuai dengan bidang masing-masing.

Sampai waktu dan ketikanya, golongan pemuda pada hari ini akan mengambil alih kepimpinan negara dan meneruskan kegemilangan negara berdaulat ini. Maka semangat kepahlawanan seperti berani, tegas berprinsip, tidak mudah menyerah dan seumpamanya sebagaimana yang telah ditunjukkan oleh para perajurit negara hendaklah dicontohi dan disematkan dalam jiwa supaya menjadi motivasi dan penguat semangat mempertahankan kedaulatan negara. Pada masa yang sama, bekal didikan agama yang secukupnya hendaklah diberikan kepada mereka di samping ilmu-ilmu keduniaan yang lain.

Golongan pemuda hari ini tidak boleh dilekakan dengan hiburan-hiburan yang melalaikan, fahaman-fahaman songsang, gaya hidup bebas dan amalan-amalan yang tidak baik termasuklah penyalahgunaan dadah.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Sebelum mengakhiri khutbah pada hari ini, khatib ingin membuat beberapa rumusan:

Pertama: Sikap menghargai orang lain dan berterima kasih kepada manusia atas segala kebaikan mereka adalah sifat yang mulia dan tanda bersyukur kepada Allah *subhanahu wata'ala*.

Kedua: Mempertahankan kedaulatan negara dari diusik oleh manama anasir luar yang berniat menghancurkan negara adalah tanggungjawab besar yang telah diwariskan oleh para pejuang tanahair terdahulu kepada generasi hari ini.

Ketiga: Para pemuda khususnya perlu dipersiapkan mental dan fizikal, rohani dan jasmani mereka supaya dengan itu, negara dapat dibangunkan seimbang dari segenap segi tanpa mencicirkan satu sudut sekalipun.

Bagi mengakhiri khutbah, marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah at-Taubah, ayat 111 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ . بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ .
﴿ إِنَّ اللَّهَ أَسْتَرَى مِنَ الْمُؤْمِنِينَ أَنفُسَهُمْ وَأَمْوَالَهُمْ بِأَنَّ لَهُمُ الْجَنَّةَ ۚ ۝
يُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَيَقْتُلُونَ وَيُقْتَلُونَ ۖ وَعْدًا عَلَيْهِ حَقًّا فِي التَّوْرَاةِ
وَالْإِنْجِيلِ وَالْقُرْءَانِ ۚ وَمَنْ أَوْفَى بِعَهْدِهِ مِنَ اللَّهِ ۚ فَأَسْتَبْشِرُوا بِيَعْكُمُ الَّذِي
بَأَيَّعْتُمْ بِهِ ۚ وَذَلِكَ هُوَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ ۚ ۝

Maksudnya : Sesungguhnya Allah telah membeli dari orang-orang yang beriman akan jiwa mereka dan harta benda mereka dengan (balasan) bahawa mereka akan beroleh Syurga, (disebabkan) mereka berjuang pada jalan Allah maka (di antara) mereka ada yang membunuh dan terbunu. (Balasan Syurga yang demikian ialah) sebagai janji yang benar yang ditetapkan oleh Allah di dalam (Kitab-kitab) Taurat dan Injil serta Al-Quran; dan siapakah lagi yang lebih

menyempurnakan janjinya daripada Allah? Oleh itu, bergembiralah dengan jualan yang kamu jalankan jual-belinya itu, dan (ketahuilah bahawa) jual-beli (yang seperti itu) ialah kemenangan yang besar.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ .

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمْرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَهْلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum Muslimin yang dirahmati Allah,

Kita hendaklah sentiasa melakukan kawalan kendiri dengan sebaikbaiknya bagi mengelakkan terdedah kepada bahaya wabak penyakit. Teruskanlah memohon keampunan dan bermunajat kepada Allah *subhanahu wata'ala* agar diangkat segala wabak dan musibah daripada kita dan dikurniakan keselamatan dan kesejahteraan buat diri, keluarga, masyarakat, negeri dan Negara.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى :

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسِلِّمُوا تَسْلِيمًا
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أُلُّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أُلُّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى أُلُّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أُلُّ
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَعِيدٌ.

وَارْضِي اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِيهِ بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالْتَّابِعِينَ لَهُم بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبٌ الدُّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah! Kurniakanlah kami rezeki yang halal lagi diberkati, hindarilah kami dari sebarang bentuk gejala rasuah dan perlanggaran kepada peraturan dan undang-undang. Kurniakanlah keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas kami

nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diingini dan wabak penyakit.

رَبَّنَا أَتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينٌ،
أَمِينٌ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عِبَادَ اللَّهِ.
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ
الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.